

MEMO

KEPADA : YBhg. Dato' Abdul Latif Bin Haji Abu Seman
Ketua Pengarah, MPC

MELALUI : Encik Mohamad Muzaffar Abdul Hamid
Timbalan Pengarah, PCD

DARIPADA : Encik Jerry Shahnizal Ab Aziz
Pengurus, PCD

TARIKH : 28 Mac 2021

**PERKARA : MEMOHON KELULUSAN UNTUK MENGADAKAN PROGRAM
BERBENTUK FIZIKAL BAGI BENGKEL SEMAKAN PERATURAN
PADA 30 MAC 2021 DI HOTEL AMES MELAKA**

YBhg. Dato',

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan mesyuarat bersama YBhg. Datuk Penasihat Undang-undang Negeri Melaka telah diadakan pada 15 Mac 2021 dan Majlis Pelancaran Katalog Perundangan Negeri Melaka juga telah diadakan dengan jayanya pada 19 Mac 2021. Tujuan inisiatif ini adalah untuk menyemak peraturan atau undang-undang sedia ada agar dapat memenuhi keperluan semasa dan sentiasa relevan dengan perkembangan ekonomi negeri.
3. Lanjutan dari inisiatif ini, pihak pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Melaka dan UPEN Melaka telah memohon agar bengkel secara fizikal diadakan bagi memberi penerangan dan panduan untuk melaksanakan penilaian sendiri undang-undang sedia ada sebelum sesi validasi bersama YBhg. Datuk Penasihat Undang-undang negeri Melaka dilaksanakan kelak.
4. Mengambil kira perkembangan terkini Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) oleh Kerajaan pada 5 Mac 2021, yang membenarkan aktiviti mesyuarat bersemuka, konferen dan pameran dengan syarat 50% kapasiti premis, kami ingin

mengadakan program berbentuk fizikal bagi Bengkel Semakan Peraturan pada 30 Mac 2021 di Hotel Ames Melaka.

5. Sehubungan dengan ini, kami dengan rendah hati memohon pertimbangan YBhg. Dato' untuk memberi kebenaran dan kelulusan untuk mengadakan program ini.
6. Segala perhatian dan pertimbangan YBhg. Dato' dalam perkara ini amatlah dihargai dan kami ucapkan ribuan terima kasih.

Sekian,

Disediakan oleh:



**(JERRY SHAHNIZAL
AB AZIZ)**

Pengurus
Bahagian PCD

Disokong oleh:



**(MOHAMAD MUZAFFAR
ABDUL HAMID)**

Timbalan Pengarah
Bahagian PCD

Diluluskan oleh:



**(DATO' ABDUL LATIF BIN
HAJI ABU SEMAN)**

Ketua Pengarah
MPC